

BAH

KERAJAAN AKAN JELASKAN MENGENAI ARQAM KEPADA UMUM: MAHATHIR
Mahathir - Islam

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan menjelaskan kepada orang ramai mengenai tindakannya mengharamkan kegiatan Darul Arqam di pejabat-pejabat kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, penjelasan itu perlu supaya orang ramai tidak keliru dengan ajaran pertubuhan itu.

Beliau berkata, ramai yang telah terpengaruh dengan pertubuhan itu dan percaya semua yang diajarnya berpunca daripada Islam.

+Kita berpendapat ini adalah satu ajaran sesat dan tidak memadai dengan kita kata Arqam diharamkan melainkan kita juga memberikan penjelasan kepada orang ramai supaya mereka tidak keliru,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamaddun Islam (ISTAC).

Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam ke-35 di pejabatnya pagi tadi, yang antara lain membincangkan kegiatan Darul Arqam. -- lagi

♥05/10/00-27MST

CNS4054

R GB 05-10 00166 BH849

BAH

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Katanya, kerajaan akan bertindak terhadap pertubuhan itu jika ia meneruskan usaha mengelirukan rakyat.

Setakat ini kerajaan melarang kegiatan Arqam di pejabat-pejabatnya termasuk menghalang buku-buku dan majalahnya daripada disebar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, semua peherbitan yang mempunyai unsur, kepercayaan dan ajaran yang sama dengan pertubuhan itu akan juga diharamkan di pejabat-pejabat kerajaan.

Terdahulu itu ketika berucap, Perdana Menteri berkata, penubuhan institut itu oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIA) merupakan satu usaha yang berani.

Selaras dengan namanya, institut itu perlu bersedia menganalisis, mencari sebab dan alasan, bukan sahaja prinsip asas mengenai keimanan tetapi juga amalan dan nilai yang menjadikan Islam sebagai satu cara hidup, katanya.

Beliau berkata, sebagai pemikir, mereka yang berada di institut tersebut perlu berfikir serta mengkaji pemikiran dan tamaddun Islam.

+Anda boleh memilih tidak mengganggu status quo bagi mengelakkan kontroversi dan mencari jalan selamat. Tetapi jika anda berbuat demikian, anda tidak boleh dipanggil ahli pemikir.

+Hanya jika anda memilih untuk berfikir dan mengkaji keadaan umat dan agama Islam, untuk mempersoal dan mengkritik interpretasi mengenai agama bagi mencapai kata putus yang mungkin berbentuk radikal dan menegaskan pendirian, maka anda telah menyempurnakan peranan yang dipertanggungjawabkan kepada institut ini,+ tambahnya.

Beliau berkata, institut itu perlu bersedia menghadapi risiko untuk bersikap jujur walaupun ia dikecam oleh mereka yang menerima ajaran dan amalan yang sedia ada.

Katanya, penyelewengan dalam pengajaran tentang Islam berpunca daripada beberapa interpretasi memerlukan seseorang yang sanggup menerima risiko untuk menegakkan kebenaran agama Islam.

ISTAC diketuai oleh pengarah dan pengasas, Professor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Presiden UIA, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Syed Hamid Albar dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud turut hadir pada majlis itu. -- Bernama

♥05/10/00-54MST